



KENYATAAN SEBUTHARGA JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BIL.1/2024
MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

TARIKH IKLAN SEBUTHARGA : 18 MAC 2024

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan mempelawa Syarikat (Berkaitan Aktiviti Penjaja/Peniaga Kecil)/ Persatuan Peniaga/Pertubuhan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) yang beralamat dalam **Daerah Hilir Perak, Negeri Perak** sahaja dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:

BIL SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA	KELAYAKAN PENYEBUTHARGA	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA, TAKLIMAT URUSETIA DAN SEBUTHARGA DITUTUP	HARGA DOKUMENTASI
1/2024 PELESENAN	Pengurusan 114 Tapak Perniagaan Sempena Perayaan Chitrapournami 2024	Berdaftar Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Pertubuhan/Persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran pertubuhan (ROS) (Beralamat di dalam Daerah Hilir Perak, Negeri Perak Darul Ridzuan Sahaja)	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 18 Mac 2024 (Isnin-Jumaat) Jam 9.00 pagi- 4.00 ptg) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 27 Mac 2024 Rabu Jam 12.00tgh	RM50

- Dokumen sebutharga boleh dibeli di kaunter **Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Aras 1, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Jalan Speedy 36000 Teluk Intan, Perak** dengan mengemukakan resit bayaran dokumentasi yang **dibayar secara tunai sahaja**.
- Penyebutharga hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut :
 - Sijil Asal dan Salinan Perakuan Pendaftaran Perniagaan (SSM)/Pertubuhan/Persatuan yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS). (Beralamat di di dalam Daerah Hilir Perak, Negeri Perak**

Darul Ridzuan sahaja). Salinan hendaklah disahkan oleh Ketua Kampung/Penghulu Mukim/ Pegawai Kerajaan Kumpula A/ Wakil Rakyat atau badan-badan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

- II. Senarai nama Ahli Pertubuhan/ Persatuan (Jika Berkaitan)
 - III. Salinan laporan-laporan mesyuarat/aktiviti persatuan/pertubuhan yang terkini.(Jika Berkaitan)
 - IV. Membayar wang cagaran/deposit berjumlah RM 70,000 (Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Ribu) bagi setiap borang permohonan. Bayaran hendaklah dibuat bersekali dengan bayaran borang sebutharga.
3. Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan ditulis disebelah atas kiri **“Perayaan Chitrapournami 2024”** dan dialamatkan kepada **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Jalan Speedy, 36000 Teluk Intan,Perak Darul Ridzuan** dan dikembalikan **tidak lewat jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup tawaran iaitu **27 Mac 2024**. Pengembalian dokumen yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
 4. **Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran. Apa-apa kos dan perbelanjaan adalah atas tanggungan penyebutharga sendiri dan sebarang tuntutan tidak akan dilayan.**
 5. Sekiranya penyebutharga tidak mendapat sebarang jawapan daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan dalam tempoh **21 hari daripada tarikh tutup maka tawaran ini dianggap tidak berjaya.**

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Teluk Intan**

Tarikh: 18 MAC 2024